



جَبَاتِن مَفْتِي نَكْرِي قِيْرَاق دَار الرِّضْوَانِ

JABATAN MUFTI NEGERI,
PERAK DARUL RIDZUAN,
TINGKAT 5, KOMPLEKS ISLAM,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Mufti : 05-2424120
Pej. Am : 05-2545332
Faks : 05-2419694
Laman Web : <http://mufti.perak.gov.my>

KENYATAAN RASMI


BIL 5/2018

TIDAK IKTIRAF SUMBANGAN KOMUNIS DALAM KEMERDEKAAN NEGARA

1. Komunis adalah fahaman yang bertentangan dengan Islam kerana menolak kewujudan dan kekuasaan Allah. Islam tidak pernah iktiraf sumbangan dan tidak memberi kerjasama kepada komunis.
2. Komunis tidak beri apa-apa sumbangan dalam kemerdekaan Malaysia. Komunis menyebabkan negara kita diisytiharkan darurat selama 12 tahun mulai 7 Julai 1948 hingga 31 Julai 1960.
3. Tujuan komunis datang ke Tanah Melayu adalah untuk mengambil pentadbiran Tanah Melayu dari British seterusnya menjajah Tanah Melayu sama seperti Portugis, British dan Jepun.
4. Komunis telah menangkap dan membunuh alim ulama' yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dari British. Mereka juga telah membunuh ramai penduduk Tanah Melayu termasuk orang tua, wanita dan kanak-kanak.
5. Negara kita terhutang budi dengan alim ulama' kerana sumbangan mereka begitu besar dalam menggerakkan semangat patriotik rakyat bagi mencapai kemerdekaan negara kita. Ulama' menentang komunis kerana mempertahankan aqidah umat Islam dan menghalang komunis daripada menjajah tanah air.
6. Mengiktiraf sumbangan komunis adalah menggalakkan dan mempromosi kezaliman dan fahaman ekstrem dalam kalangan rakyat Malaysia.

7. Pelajar-pelajar sekolah perlu disemai nilai-nilai murni yang holistik bukannya mendedahkan mereka kepada keganasan dan kezaliman.
8. Adalah tidak perlu memperkenalkan komunis kepada generasi akan datang sebaliknya memperkenalkan sumbangan alim ulama dan pejuang-pejuang kemerdekaan untuk memupuk nilai kesetiaan kepada raja dan negara yang merupakan salah satu rukun negara.
9. Umat Islam dinasihatkan supaya elakkan diri dari pemikiran dan fahaman komunis seperti *Atheis, Tolak Tuhan, Tolak Agama, Free Thinking, Matlamat Menghalalkan Cara Mengikut Aliran Machiavelli* dan *Agama Adalah Candu*.
10. Kerajaan wajib menolak cadangan pihak-pihak tertentu mengkaji semula buku teks sejarah sekolah bagi mengiktiraf sumbangan komunis mencapai kemerdekaan Malaysia kerana menafikan sumbangan dan pengorbanan ulama', rakyat jelata, perajurit dan pahlawan negara mempertahankan tanah air Malaysia.

Sekian, terima kasih.



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

**27 Zulkaedah 1439 Hijrah (Khamis)
9 Ogos 2018**